

**PEMBINAAN MODUL LATIHAN KENDIRI TAJWID
RED-SIGN BAGI MENINGKATKAN PENGUASAAN
TAJWID PELAJAR SEKOLAH MENENGAH HARIAN**

**THE DEVELOPMENT OF RED-SIGN TAJWID SELF
LEARNING MODULE TO COMPREHEND TAJWID
PRACTICES AMONG NATIONAL SECONDARY
SCHOOL STUDENTS**

Norwardatun Mohamed Razali (Corresponding Author)

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: wardatun@usim.edu.my

Siti Rosilawati Ramlan

Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: rosilawati@usim.edu.my

Maisarah Saidin

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: maisarah@usim.edu.my

ABSTRAK

Penerapan bacaan al-Quran terhadap kanak-kanak telah diterapkan oleh ibubapa seawal usia empat tahun. Usaha ini diteruskan di peringkat sekolah rendah bermula usia 7 tahun sehingga 12 tahun dengan silibus j-QAF di sekolah rendah kebangsaan harian dan juga tambahan kelas KAFA di sekolah rendah agama rakyat. Namun begitu, keberkesanan silibus tajwid terhadap keupayaan bacaan al-Quran pelajar masih di tahap tidak memuaskan. Guru yang tidak berkemahiran dan kaedah pengajaran serta pembelajaran yang kurang berkesan merupakan antara faktor penyumbang kepada kelemahan penguasaan bacaan al-Quran dan seterusnya memberi kesan kepada kemahiran membaca al-Quran secara bertajwid apabila menginjak ke sekolah menengah. Para pelajar yang telah menginjak ke peringkat sekolah menengah ini perlu dibantu dengan melihat kepada salah satu faktor menyumbang kepada kelemahan tersebut iaitu kelemahan alat bantu mengajar yang berkesan. Kajian ini bertujuan

meninjau keperluan pembinaan modul latihan sendiri tajwid untuk meningkatkan tahap kemahiran Ilmu Tajwid di kalangan pelajar sekolah menengah harian. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan dokumentasi daripada kajian kepustakaan yang menyentuh berkaitan kemahiran bacaan al-Quran. Hasil kajian mendapati kaedah penyampaian ilmu tajwid dan alat bantu mengajar perlu diperbaharui supaya para pelajar dapat melakukan latihan sendiri di sekolah mahupun di rumah. Kesimpulannya, bahan bantu mengajar baharu seperti Modul Latihan Kendiri Tajwid *Red Sign* perlu dibangunkan bagi memudahkan proses penyampaian ilmu tajwid yang boleh digunakan di dalam kelas ataupun digunakan sendiri di rumah oleh para pelajar.

Kata Kunci: Tajwid, Al-Quran, Sekolah Menengah, Modul Latihan Kendiri Tajwid.

ABSTRACT

The effort of teaching al-Quran to childrens has been applied by parents as early as four years old. This effort continues in primary school since 7 to 12 years old with j-QAF syllabus in National Primary Schools and also additional KAFA classes in religious primary schools. However, the effectiveness of tajwid syllabus on students' ability to read al-Quran is still in unsatisfactory level. Among the factors which contribute to the weakness of students are incompetent teachers, less effective teaching and learning methods which further affect the ability to read al-Qur'an with tajwid when move to secondary school. The students who have reached the secondary school level need to be helped by looking at one of the factors contributing to this weakness, which is less effective teaching aids. This study aims to review the need of the development of tajwid self-learning modules to comprehend tajwid practices among National Secondary School Students. This study is a qualitative study which is collecting documentation from literature studies that touch on the skills of reciting the Qur'an. The results of this study found that the method of teaching Ilmu Tajwid and teaching aids need to be upgraded so that students can practice it independently at school and home. In conclusion, new teaching aids such as the Red Sign Tajwid Self-Training Module need to be developed to facilitate the process of imparting Ilmu Tajwid that can be used by student independently in class and home.

Keywords: Tajwid, Al-Quran, Secondary School, Tajwid Self-Learning Module.

1. PENDAHULUAN

Penerapan bacaan al-Quran telah diterapkan oleh ibu bapa seawal usia empat tahun sebagai satu inisiatif dari pihak ibu bapa sendiri. Adapun di pihak sekolah telah dimulakan seawal usia tujuh tahun, di mana satu kurikulum khas Program j-QAF telah dilaksanakan di Sekolah Rendah Kebangsaan seluruh negeri secara berperingkat¹. Di antara objektifnya adalah untuk melaksanakan proses pendidikan al-Quran seawal usia². Hal ini bertujuan untuk mencapai objektif utama Model Khatam al-Quran iaitu memastikan semua murid Islam dapat mengkhatamkan bacaan al-Quran di peringkat sekolah rendah³.

Program j-QAF ini mula dilaksanakan pada tahun 2005, dan model-model khas telah dibina bagi melaksanakan program j-QAF ini. Antara model yang dilaksanakan ialah Model Enam Bulan Khatam al-Quran yang mana ia merupakan proses Khatam al-Quran dalam tempoh enam bulan. Beberapa surah telah ditetapkan untuk dikhatamkan sepanjang tempoh tersebut. Sebanyak empat waktu diperuntukkan dalam seminggu bagi tahun satu selama enam bulan pertama. Sementara enam bulan berikutnya, waktu belajar dikurangkan kepada tiga waktu seminggu bagi tahun satu dan dua waktu seminggu bagi tahun dua hingga tahun enam.

Buku yang digunakan adalah Iqra' 1-6 khususnya bagi murid tahun satu yang belum dapat menguasai kemahiran bacaan al-Quran menggunakan pendekatan *talaqqi* dan *mushafahah*. Melalui pendekatan ini, guru membaca al-Quran dengan bacaan yang betul, manakala murid pula mendengarnya dengan teliti dan tekun. Setelah itu murid mengulangi semula bacaan tersebut sementara guru berperanan mengenal pasti bacaan yang dialunkan adalah betul sebagaimana dikehendaki. Pendekatan ini digunakan untuk membetulkan kesalahan dan sebutan *makhraj* huruf dengan lebih fasih dan tepat⁴. Namun begitu, walaupun proses pembelajaran al-Quran telah dijalankan selama enam tahun di sekolah rendah, namun begitu masih ramai pelajar yang tidak mampu mencapai tahap kemahiran membaca al-Quran yang bertepatan dengan kaedah tajwid,

¹ Daud Ismail, Wan Mohamad Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Mahadi Mohammad (2014). "Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia", *Jurnal Islamiyyat* 36(2), 60.

² Ismail, Wan Khairuldin, dan Mohammad (2014), *op.cit*, 62.

³ *Ibid*, 59.

⁴ Ismail, Wan Khairuldin, dan Mohammad (2014), *op.cit*, 60.

makhraj, sifat dan *fasahah* yang baik apabila menginjak ke peringkat sekolah menengah⁵.

2. KEMAHIRAN BACAAN AL-QURAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Proses pembelajaran al-Quran telah dimulakan seawal memasuki sekolah rendah, namun begitu setelah selesai peringkat sekolah rendah, bagaimanakah tahap bacaan pelajar-pelajar ini? Adakah proses pembelajaran pelajar-pelajar berkesan sehingga mampu menguasai bacaan al-Quran khususnya secara bertajwid. Artikel ini akan meninjau tahap penguasaan bacaan al-Quran terutama apabila pelajar telah memasuki peringkat sekolah menengah.

Berdasarkan kajian kepustakaan berkaitan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan remaja, didapati kemahiran bacaan al-Quran sedia lemah sejak dari sekolah rendah lagi. Menurut D. Ismail et al., ramai pelajar Sekolah Rendah yang masih tidak mencapai bacaan al-Quran yang dikehendaki. Mereka bukan sahaja tidak boleh membaca al-Quran dengan lancar dan memahami hukum tajwid, malah tahap kemampuan untuk menyebut *makhraj* huruf dengan betul juga tidak memuaskan⁶.

Begitu juga kajian yang dijalankan Rashidah Md Hasan⁷ menunjukkan bahawa majoriti murid berada pada tahap lemah bagi pencapaian pengetahuan hukum tajwid dengan peratusan sebanyak 36.7 %. Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar murid yang menjadi sampel kajian ini tidak mengetahui nama hukum tajwid, jumlah harakatnya dan dalam keadaan bagaimana terbentuknya hukum tajwid tersebut. Sekiranya kelemahan ini telah bermula dari tahap sekolah rendah, masalah ini akan berlarutan sehingga ke tahap pelajar tersebut naik ke peringkat sekolah menengah. Ini kerana terdapat beberapa kajian mendapati para pelajar Sekolah Menengah tidak mampu membaca al-Quran dengan baik. Satu kajian terhadap keupayaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah menengah di Perak mendapati sebanyak 34.5 peratus pelajar di beberapa buah Sekolah Menengah di negeri Perak mempunyai tahap penguasaan bacaan al-Quran yang lemah⁸. Para pelajar juga secara purata tidak mampu

⁵ Mohd Yakub @Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff, dan Saidi bin Mohd (2008). "Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Terengganu", 2.

⁶ Ismail, Wan Khairuldin, dan Mohammad (2014), *op.cit*, 58.

⁷ Rashidah Md Hasan, Nik Rosila Nik Yaacob, Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya (2015). "Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasahah dan Hukum Tajwid dalam Tilawah al-Quran Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Awal." *International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship 2015*, 516.

⁸ Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri, dan Azmil Hashim (2014). "Kaedah Pengajaran Al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak.", *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education* 1, Special Issues, 37.

menyebut *makhraj* huruf, lemah mengenal tanda-tanda bacaan dan hukum-hukum tajwid dengan baik.

Di negeri Terengganu contohnya, satu kajian yang dijalankan oleh Mohd Yakub @Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff & Saidi bin Mohd (2008)⁹ melalui Keupayaan Bacaan al-Quran dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu menyatakan bahawa masih ramai lagi murid-murid di peringkat sekolah menengah tidak mampu membaca al-Quran dengan baik, walaupun telah melalui proses pembelajaran selama enam tahun di peringkat sekolah rendah. Malah didapati seramai 192 orang, iaitu kira-kira 60% daripada 320 orang murid yang dibuat kajian adalah buta al-Quran.

Realiti ini membawa kepada kebimbangan terhadap generasi kini yang mana kesedaran tentang peri pentingnya menguasai bacaan al-Quran secara bertajwid masih belum sampai ke tahap yang memuaskan. Ini dapat dilihat melalui kajian kepustakaan yang mencapai kepada peratus pelajar yang masih lemah terhadap penguasaan bacaan al-Quran sama ada di peringkat sekolah rendah seterusnya berlarutan sehingga ke sekolah menengah.

Oleh itu, para pelajar lemah tajwid yang telah menginjak ke peringkat sekolah menengah perlu dibantu dengan mewujudkan bahan bantu mengajar di peringkat sekolah menengah agar masalah keciciran dan penguasaan bacaan al-Quran secara bertajwid tidak berlarutan ke peringkat seterusnya.

3. FAKTOR KELEMAHAN BACAAN AL-QURAN SECARA BERTAJWID

Setelah meninjau kondisi pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah, didapati masih ramai yang tidak mampu membaca al-Quran, sehingga ada kajian yang membuktikan masih wujud pelajar yang buta al-Quran¹⁰. Terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti. Di antaranya:

1) Tiada Usaha Tambahan dari Ibubapa

Walaupun j-Qaf telah dilaksanakan bagi membantu pelajar sekolah rendah untuk membaca al-Quran dengan baik, yang mana salah satu komponen pengajaran ialah Tilawah al-Quran, namun masih terdapat pelajar yang lemah di dalam bacaan al-

⁹ Haji Mohd Yusoff, dan Mohd (n.d). "Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Terengganu," 15.

¹⁰ Mohd Yakub @Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff, dan Saidi bin Mohd (2008). "Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Terengganu", 2.

Quran. Satu kajian dijalankan terhadap 136 orang pelajar tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang bagi mengetahui tahap penguasaan bacaan al-Quran berdasarkan model Khatam al-Quran dan Tasmik J-QAF mendapati tahap bacaan pelajar memuaskan. Namun begitu masih terdapat juga pelajar yang lemah dalam penguasaan bacaan al-Quran¹¹. Mereka yang lemah penguasaan bacaan al-Quran ini dikenalpasti tidak mendapatkan kelas tambahan pembelajaran al-Quran di luar sekolah sama ada dari Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) mahu pun secara persendirian¹². Pembacaan al-Quran berkualiti sukar dicapai oleh pelajar sekiranya pembudayaan serta pengukuhan al-Quran tidak dimulakan di rumah oleh ibu bapa.

2) Kurikulum Fokus Kepada Kemahiran Membaca

Walaupun para pelajar telah mampu membaca al-Quran, namun begitu penguasaan bacaan al-Quran secara bertajwid agak membimbangkan. Walaupun al-Quran diajar dalam asuhan Tilawah al-Quran dalam kurikulum Pendidikan Islam sebelum diperkenalkan j-QAF, namun pengajaran dan pembelajaran hanya menjurus kepada kebolehan membaca sahaja. Kajian mendapati hukum tajwid tidak diberi penekanan secara khusus dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran di peringkat sekolah rendah¹³. Ini memberi kesan kepada proses bacaan pelajar apabila menginjak ke Sekolah Menengah kerana pelajar akan merasakan bahawa bacaan al-Quran mereka sudah cukup tanpa menambah baik bacaan secara bertajwid.

3) Guru Kurang Berkemahiran

Pembelajaran al-Quran yang efektif dan interaktif memerlukan guru pendidikan Islam yang berkemahiran dalam Ilmu Tajwid dan pedagogi pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Menurut Muhammad ZulAzizi, guru pendidikan Islam mestilah menguasai bacaan al-Quran dengan baik, betul dan fasih bagi sebutan huruf dan kalimah kerana ia akan mempengaruhi bacaan murid¹⁴. Namun begitu, terdapat guru-guru yang kurang menguasai teknik dan kaedah pengajaran serta tidak berkemahiran dalam menyediakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian¹⁵. Justeru,

¹¹ Sapie Sabilan, et al. (2018). "Analisis Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik j-QAF," *International Conference on Islamic Education & Research (ICIER)*, 17.

¹² Ibid, 17.

¹³ Ab. Halim Tamuri, et al. (2013). "Penilaian Guru terhadap Pelaksanaan Model-model Tilawah al-Quran Program j-QAF," *International Journal of Islamic Thought* 3, 2


¹⁴ Muhammad Zulazizi Mohd Naw, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar & Norhisham Muhamad (2021). Pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini. *Jurnal al-Turath* 6(1), 52.

¹⁵ Eadil Mat (2010). "Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ): Kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesannya di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor" Tesis Sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

perkara ini dilihat menyebabkan pelajar sukar memahami pembelajaran tajwid secara berkesan yang akan menyebabkan para pelajar cepat bosan seterusnya menjadi faktor pelajar tersebut lemah dalam penguasaan ilmu tajwid.

4) Kaedah Pembelajaran Kurang Efektif

Di satu sudut lain pula, didapati antara punca pelajar tidak menguasai bacaan al-Quran adalah kaedah pembelajaran bagi kelancaran (*fasahah*) dan pengajaran tajwid dilaksanakan secara berasingan. Di antara faktor yang dikesan adalah kaedah pembelajaran yang kurang efektif menyebabkan proses pemindahan maklumat menjadi kurang berkesan. Ini kerana kebanyakan guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah kuliah ketika sesi pengajaran tilawah al-Quran berbanding talaqqi dan musyafahah¹⁶. Ini kerana, pada zaman pendidikan abad ke-21 ini, guru merupakan pencetus transformasi dalam Pendidikan dan pembentukan diri pelajar. Justeru, amalan pengajaran dalam bilik darjah perlulah dilakukan secara efektif, kritis dan sistematik¹⁷.



Rajah 1.1 Kaedah Pembelajaran sedia ada yang mengasingkan pembelajaran Tajwid dan kelancaran Bacaan al-Quran (*Fasahah*) menggunakan kaedah kuliah (Ab. Halim, 2004).

5) Kekurangan Alat Bantu Mengajar Yang Berkesan

Penggunaan alat atau bahan bantu mengajar memberi pengaruh yang besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran tajwid. Kegagalan guru dalam menyediakan bahan

¹⁶ Rashidah Md Hasan, Nik Rosila Nik Yaacob, Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya, "Kaedah Pembelajaran Serentak dalam Meningkatkan Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasahah dan Hukum Tajwid Murid Sekolah Rendah," *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016*, (21-22 Mei 2016): 344

¹⁷ Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, Muhammad Amirul Mohd Nor (2021). Meningkatkan Kemahiran Mengingat Lima Hukum Asas Tajwid Dalam Tilawah Al-Quran, *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3 (1), 30.

bantu mengajar yang berkesan akan menyebabkan masalah penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar¹⁸. Kebergantungan pada media pembelajaran yang tersedia seperti buku teks sahaja akan menyebabkan pelajar kurang memahami ilmu tajwid. Ini kerana, buku teks memiliki banyak kekurangan dan hanya menyajikan tulisan sehingga kadangkala sukar untuk difahami makna bunyi dan panjang pendek bacaan. Sementelah, ilmu tajwid perlu dilaksanakan secara praktikal dan tidak tertumpu pada aspek teori semata-mata. Justeru, bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif serta bersesuaian dengan kepelbagaian murid perlu diwujudkan supaya pelajar dapat menguasai ilmu tajwid dengan lebih cepat dan berkesan.

4. CADANGAN PEMBAHARUAN TEKNIK PENGAJARAN DAN ALAT BANTU MENGAJAR

Berdasarkan punca yang dikenalpasti, didapati proses pembelajaran perlu ditambah baik dari segi penyampaiannya iaitu dari konsep penyampaian secara kuliah kepada penggabungan di antara *talaqqi* dan *musyafahah* yang dilaksanakan seiring bagi mencapai *fasahah* dan penguasaan hukum tajwid. Menurut Rashidah Md Hassan¹⁹, kaedah pembelajaran serentak iaitu penggabungan di antara kelancaran bacaan al-Quran (*fasahah*) dan pengajaran tajwid perlu dijalankan bagi membantu proses pembelajaran dengan lebih berkesan. Walaupun kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* merupakan kaedah pembelajaran yang disarankan oleh KPM, namun kaedah ini mengalami kekangan masa dan ruang²⁰.


Kaedah pembelajaran Tajwid dan Kelancaran bacaan al-Quran (*Fasahah*) dilaksanakan serentak dengan menggunakan kaedah *Talaqqi* dan *Musyafahah* ini dijangka dapat memberi pelajar ruang untuk mempelajari tajwid dengan lebih telus, seterusnya dapat memperbetulkan bacaan dalam masa yang sama ketika sesi *talaqqi* dan *musyafahah* berlangsung. Cara ini dilihat lebih praktikal berbanding mempelajari tajwid dengan kaedah kuliah sahaja kerana komunikasi penyampaian hanya berlaku satu hala, dan kebiasaannya pelajar akan melupakan isi kandungan matapelajaran tersebut selepas selesai kelas sekiranya tiada praktikal diusahakan oleh tenaga pengajar. Perkara ini dilihat agak menyukarkan pelajar untuk mempraktikkan apa yang dipelajari di kelas apabila membaca al-Quran di rumah.

¹⁸Eadil Mat, "Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ): Kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor" (Tesis Sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

¹⁹ Md Hasan, Nik Yaacob, dan Wan Yahaya (n.d). "Kaedah Pembelajaran Serentak dalam Meningkatkan Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasahah dan Hukum Tajwid Murid Sekolah Rendah," 345.

²⁰ Ibid, 349.

Selain daripada teknik pengajaran, pembinaan modul latihan sendiri tajwid yang baru dan bersesuaian perlu dibangunkan. Di antara modul-modul sedia ada yang telah dibangunkan untuk membantu pelajar secara umum dan secara khusus seperti Modul Hukum Tajwid 5, Modul Tajwid pantas dan lain-lain. Terdapat juga Model Tajwid yang dibangunkan dengan menggabungkan ilmu Tajwid dengan multimedia bagi menarik minat pelajar untuk lebih memudahkan pelajar memahami asas tajwid. Namun begitu, modul-modul sedia ada dan model yang dibangunkan lebih memfokuskan kepada alat bantu mengajar Tajwid yang masih diajar dengan cara kuliah di dalam kelas²¹. Oleh itu, bagi membantu proses pembelajaran ilmu tajwid secara *talaqqi* dan *musyafahah*, ia memerlukan satu modul latihan sendiri bercetak sebagai bahan bantu mengajar bagi keperluan para guru. Justeru, modul latihan sendiri Tajwid baru dilihat sangat perlu diwujudkan sebagai bahan bantu mengajar ketika sesi *talaqqi* dan *musyafahah* dijalankan, dalam masa yang sama para pelajar juga dapat menjalankan latihan sendiri berkaitan pelajaran tersebut di rumah.



Rajah 1.3 Model Pembelajaran Menggunakan Modul Latihan Kendiri Tajwid *RED SIGN*

²¹ Norwardatun Mohamed Razali, Siti Rosilawati Ramlan, dan Maisarah Saidin (2021). "Kemahiran Bacaan al-Quran Secara Bertajwid di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Harian: Satu Tinjauan Awal," *Proceedings of the 7 th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia*, 527.

5. PEMBINAAN MODUL LATIHAN KENDIRI TAJWID RED SIGN

Di dalam melaksanakan model pembelajaran tajwid ini, satu modul baharu dirangka iaitu *Modul Latihan Kendiri Tajwid RED SIGN* yang menggunakan warna merah sebagai penanda fokus bagi menerangkan hukum tajwid dilihat dapat membantu pelajar untuk mengenalpasti hukum tajwid, di samping guru dapat memperbetulkan bacaan pelajar ketika proses *talaqqi* dan *musyafahah*. Modul Latihan Kendiri Tajwid *RED SIGN* yang akan dibangunkan ini dilihat lebih memfokuskan kepada membantu pelajar fokus kepada subjek yang diajar iaitu dengan menggunakan elemen warna merah sebagai penanda fokus bagi memperkenalkan hukum-hukum tajwid kepada pelajar melalui penyampaian di dalam sesi pembelajaran secara *talaqqi* dan *musyafahah*.

Warna merah dipilih kerana ia merupakan warna yang membantu meningkatkan prestasi memori semasa proses pemindahan maklumat daripada unsur luar ke memori jangka pendek. Menurut kajian-kajian yang telah dijalankan berkaitan warna dan memori, warna didapati mampu meningkatkan prestasi memori melalui proses penyimpanan maklumat. Melalui kajian Mariam Adawiyah dan Muhammad Faiz²² misalnya mendapati bahawa bentuk yang berlatarbelakangkan warna merah memberi kesan yang signifikan kepada proses penyimpanan maklumat di dalam memori.

Satu kajian lain berkaitan penggunaan warna di dalam Pengajaran Hukum Mad Asli juga telah dijalankan oleh Ag Ruzaini dan Siti Hajar²³. Di dalam kajian tersebut, warna merah digunakan pada huruf-huruf mad asli di dalam Surah ad-Dhuha. Hasil perbandingan proses pembelajaran dan pengajaran di antara kaedah konvensional dengan kaedah ini mendapati terdapat peningkatan di dalam penguasaan pelajar terhadap hukum mad asli walaupun kaedah ini perlu dijalankan lebih lama, namun ia memberi kesan yang lebih efektif kepada tahap kefahaman pelajar terhadap hukum mad asli.

6. METODOLOGI

Modul Latihan Kendiri Tajwid yang dibangunkan ini dimulakan dengan pemilihan tajuk bagi setiap modul. Tajuk-tajuk hukum tajwid yang dipilih untuk dimasukkan di dalam modul ini adalah merujuk kepada buku teks Pendidikan Islam dari silibus KSSM untuk pelajaran Tingkatan 1, 2 dan 3. Berikut adalah pembahagian

²² Mariam Adawiah Dzulkifli, dan Muhammad Faiz Mustafar (2013). "The influence of colour on Memory Performance: a review," *Malay Journal Medical Science* 20(2), 4.

²³ Ag Ruzaini Ag Ali Omar (2009). "Penggunaan Warna Pada Huruf-Huruf Mad Asli dalam Surah-Surah Bacaan al-Quran Tahun Lima," *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Islam*, 59-73.

tajuk yang dimasukkan ke dalam tiga modul utama di dalam Modul latihan Kendiri Tajwid *Red Sign*.

MODUL 1: NUN SAKINAH DAN TANWIN
1. IZHAR HALQI 2. IDGHAM MAAL GHUNNAH 3. IDGHAM BILA GHUNNAH 4. IQLAB 5. IKHFA' HAQIQI
MODUL 2: HUKUM MIM SAKINAH
1. IZHAR SYAFAWI 2. IKHFA' SYAFAWI 3. IDGHAM MITHLAIN
MODUL 3: HUKUM MAD
1. MAD ASLI 2. MAD 'ARID LISSUKUN 3. MAD WAJIB MUTTASIL 4. MAD JAIZ MUNFASIL 5. MAD 'IWAD 6. MAD BADAL

Rajah 1.4 Modul-modul yang terdapat di dalam *Modul Latihan Kendiri Tajwid Red Sign*

Selepas pemilihan tajuk dijalankan, beberapa poin utama iaitu subtopik, pengertian dan contoh ayat-al-Quran bagi setiap hukum tajwid di masukkan ke dalam modul dengan merujuk kepada beberapa bahan rujukan di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Arab. Setiap hukum tajwid di dalam modul ini mengandungi tiga bahagian utama; Pertama: Pengenalan, huruf dan contoh secara umum.

HUKUM TAJWID 1: IZHAR HALQI

Maksud:

Izhar dari segi bahasa bererti nyata dan terang, halqi pula ialah kerongkong. Izhar Halqi dari segi istilah ialah menzahirkan (menyatakan bunyi) nun sakinah atau tanwin yang bertemu dengan huruf-huruf halqi yang enam dengan **jelas tanpa dengung**.

Huruf Izhar Halqi: ع , هـ , د , ذ , ح , خ

Contoh:

BIL.	HURUF IZHAR HALQI	NUN MATI		TANWIM
		SATU KALIMAH	DUA KALIMAH	
1	الحمزة (ء)	وَيَنْتَوْنَ	مَنْ أَعْطَى	طَبِيرًا أَبَابِيلَ
2	الهاء (هـ)	يَنْهَوْنَ	مِنْ هَادٍ	سَلَّمَ هِيَ

Gambar 1.1 Bahagian 1

Kedua: Praktikal pembacaan bagi hukum tajwid dan hurufnya diwarnakan dengan warna merah.

PRAKTIS PEMBACAAN HUKUM IZHAR HALQI
(Guru menggunakan teknik talaqqi dan musyafahah)

وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ①

1

وَأَمَّا مَنْ حَقَّقَتْ مَوَازِينُهُ ②

2

أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَلَهَا ③

3

Gambar 1.2 Bahagian 2

Ketiga: Bahagian ini mengandungi latihan sendiri bagi hukum tajwid bagi mengenalpasti kefahaman pelajar untuk mengenalpasti hukum tajwid di dalam ayat al-Quran menggunakan pen berwarna merah. Di bahagian latihan sendiri ini, guru atau para pelajar boleh mempraktikkan kefahaman sama ada di dalam kelas semasa sesi pembelajaran ataupun para pelajar boleh melatih kefahaman sendiri di rumah.

LATIHAN KENDIRI

Arahan: Bulatkan hukum **IZHAR HALQI** dengan pen berwarna merah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَقْرَأُ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ❶ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ❷ أَقْرَأُ
 وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ❸ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ❹ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ
 يَعْلَمُ ❺ كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنَافٍ ❻ أَنْ رَأَاهُ اسْتَعْجَلَىٰ ❼ إِنَّ إِلَىٰ
 رَبِّكَ الرُّجْعَىٰ ❽ أَرَأَيْتَ الَّذِي يَنْهَىٰ ❿ عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰ ❶
 أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ عَلَى الْهُدَىٰ ❶ أَوْ أَمَرَ بِالْقَوَىٰ ❷ أَرَأَيْتَ إِنْ
 كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ❸ أَلَمْ يَعْلَم بِأَنَّ اللَّهَ يَرَىٰ ❹ كَلَّا لَئِنْ لَمْ يَنْتَهِ
 لَنَسْفَعًا بِالنَّاصِيَةِ ❶ نَاصِيَةٍ كَاذِبَةٍ خَاطِئَةٍ ❷ فَلْيَدْعُ نَادِيَهُ ❸
 سَدِّدْ الرِّبَايَةَ ❶ كَلَّا لَا تَطِعُهُ وَأَسْجُدْ وَأَقْرَبْ ❶

Gambar 1.3 Bahagian 3

Modul ini telah siap dirangka dan dinilai oleh dua orang ahli yang pakar di dalam bidang Ilmu Tajwid iaitu dua orang pensyarah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia dan seorang pakar di dalam bidang Pendidikan (Pendidikan Islam) iaitu pensyarah dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Penilaian dibuat terhadap aspek semakan pengertian bagi setiap hukum tajwid, penggunaan dan pemilihan contoh ayat al-Quran bagi setiap hukum tajwid, dan juga aspek penilaian terhadap prosedur kajian lapangan dari sudut pemilihan responden, kesesuaian instrumen pra dan pasca yang akan dijalankan bagi menilai tahap kefahaman pelajar sekolah menengah harian terhadap penggunaan Modul Latihan Kendiri Tajwid Red Sign ini.

7. KESIMPULAN

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kelemahan bacaan al-Quran secara bertajwid dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian. Ini dilihat bertitik-tolak dari peringkat sekolah rendah dan juga peranan ibu bapa sendiri di dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran anak-anak di dalam pembacaan al-Quran secara bertajwid. Justeru, di antara usaha yang dilakukan adalah dengan memperbaiki proses penyampaian ilmu tajwid kepada para pelajar dan juga mewujudkan modul-modul baharu yang lebih fleksibel untuk dilakukan oleh pelajar, sama ada ia boleh digunakan di dalam kelas iaitu secara *talaqqi* dan *musyafahah*, dan begitu juga boleh dilakukan secara sendiri di rumah.

PENGHARGAAN

Artikel ini dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di bawah RACER GRANT- PPMI/USIM-RACER_0120/FPQS/051000/11220 bertajuk *Pembinaan Modul Latihan Kendiri Tajwid RED SIGN Untuk Meningkatkan Kemahiran Pelajar Sekolah Menengah Harian di dalam Menguasai Hukum Tajwid*

RUJUKAN

- [1] Daud, Amri (2005). *Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Program j-QAF di dua buah Sekolah Rintis di Terengganu* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [2] Dzulkifli, Mariam Adawiah & Muhammad Faiz Mustafar (2012). The Effect of Ground Colour on Memory Performance. The 8th Postgraduate Research Colloquium: Interdisciplinary Approach for Enhancing Quality of Life IPRC Proceedings.
- [3] Dzulkifli, Mariam Adawiah & Muhammad Faiz Mustafar (2013). "The Influence of colour on Memory Performance: a review. *Malay Journal Medical Science* 20(2), 4.
- [4] Hajarul, Huzairi, Hidayat, Hayati & Nabiroh (2010). Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia*.
- [5] Haji Mohd Yusoff, Mohd Yakub @Zulkifli & Saidi bin Mohd (2008). Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Terengganu [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- [6] Ismail, Daud, Wan Khairuddin Wan Mohd Khairul Firdaus & Mohamad Mahadi (2014). Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 36(2), no.2, 57-66.
- [7] Jaafar, Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi Mat Said (2019). Inovasi Pengajaran untuk menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. *International journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 1(6), 8-17.
- [8] Jemali, Misnan (2005). Tahap Penguasaan al-Qur'an di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Perak. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke 4*, Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [9] Jemali, Misnan, Ab. Halim Tamuri, Azmil Hashim (2014). Kaedah Pengajaran Al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak. *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education*, 1(Special Issues), 35-44.
- [10] Mat Salleh, Mohammad Naim (2003). Pencapaian Tilawah al-Quran melalui Kaedah Iqra' di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Daerah Setiu, Terengganu. *Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- [11] Mat, Eadil (2010). Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ): Kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor. [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [12] Md Hassan, Rashidah, Nik Rosila Nik Yaacob, Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya (2015). Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasohah dan Hukum Tajwid dalam Tilawah al-Quran Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Awal. *International Conference on Islamci Education and Social Entrepreneurship*, 511-518.
- [13] Md Hassan, Rashidah, Nik Rosila Nik Yaacob, Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya (2016). Kaedah Pembelajaran Serentak dalam Meningkatkan Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasohah dan Hukum Tajwid Murid Sekolah Rendah." *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam*, 3, 344-351.
- [14] Mohamed Razali, Norwardatun, Siti Rosilawati Ramlan, Maisarah Saidin (2021). Kemahiran Bacaan al-Quran Secara Bertajwid di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Harian: Satu Tinjauan Awal. *Proceedings of the 7 th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia*, 523-530.
- [15] Mohd Mustaza, Lily Zuraini (2013). *Tahap Penguasaan Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Murid Tingkatan Dua Daerah Kuala Lumpur* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. UPSI, Tanjung Malim.
- [16] Muhammad Zulazizi Mohd Naw, Muhammad Amirul Mohd Nor (2021). Meningkatkan Kemahiran Mengingat Lima Hukum Asas Tajwid Dalam Tilawah Al-Quran. *Journal of Humanities and Social Sciences* 3(1), 23-32.

- [17] Muhammad Zulazizi Mohd Nawī, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar & Norhisham Muhamad (2021). Pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini. *Jurnal al-Turath* 6(1), 43-55.
- [18] Omar, Ag Ruzaini Ag Ali. 2009). Penggunaan Warna Pada Huruf-Huruf Mad Asli dalam Surah-Surah Bacaan al-Quran Tahun Lima. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Islam*. 59-73.
- [19] Sabilan, Sapie, Barinah Ibrahim, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad ishak & Siti Nga'ishah Mohni (2018). Analisis Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik j-QAF. *International Conference on Islamic Education & Research (ICIER)*, 1-19.
- [20] Tamuri, Ab. Halim, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak (2004). Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar. *Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia*.
- [21] Tamuri, Ab. Halim, Ahmad Munawar Ismail, Amal Hayati Md. Noor & Mohd Izzudin Mohd Pisol (2013). Penilaian Guru terhadap Pelaksanaan Model-model Tilawah al-Quran Program j-QAF. *International Journal of Islamic Thought*, (3), 1-17. Retrieved from: <https://doi.org/10.24035/ijit.3.2012.001>.